

Dr. M terima apa sahaja keputusan kerajaan, UMNO

LANGKAWI 1 Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) berkata beliau menerima apa sahaja keputusan kerajaan berhubung kedudukan beliau sebagai penasihat beberapa agensi kerajaan dan anggota UMNO.

Katanya, beliau akan akur sekiranya kerajaan mahu menamatkan perkhidmatannya sebagai/penasihat beberapa agensi seperti Proton dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

"Saya juga akan akur sekiranya Majlis Tertinggi UMNO mahu menggantung keahlian saya," katanya kepada pemberita selepas melakan lawatan ke beberapa projek pembangunan di Langkawi hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau ada mendengar cadangan Menteri

Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid supaya beliau ditamatkan perkhidmatan sebagai penasihat serta cadangan Pemuda UMNO Kedah supaya keanggotaan beliau dalam parti digantung.

"Saya tidak akan membantah, saya akur kerana itu semua adalah hak mereka selaku kerajaan dan parti," katanya.

Ditanya adakah cadangan tindakan itu adalah usaha untuk meminggirkan beliau, Dr. Mahathir sekadar mengulangi "itu hak mereka."

Katanya, beliau sedar dirinya semakin tidak popular sebab itu beliau boleh diperlakukan apa sahaja.

"Hari ini sepatutnya saya menghadiri satu majlis anjuran Perkida di Johor, sementara pada 3 November ini menghadiri majlis

anjuran pertubuhan bukan kerajaan di Baling. Tetapi kedua-dua majlis itu telah dibatalkan dan itu menunjukkan saya semakin tidak popular," katanya yang ditemani isterinya Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali sepanjang lawatan berkenaan.

Dr. Mahathir juga sekadar menjawab "sedang berfikir" terhadap soalan sama ada beliau akan menghadiri perhimpunan agung UMNO di Kuala Lumpur pertengahan bulan ini.

Beliau juga berkata "sedang mempertimbangkan dengan mendalam" mengenai cadangan UMNO Bahagian Kubang Pasu supaya beliau tidak terlalu kritikal terhadap kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

- **Bernama**